

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan masih mengekalkan konsep 'Manhaj Rabbani' yang pernah diketengahkan oleh Kerajaan sebelum ini sebagai satu dasar Islam di Malaysia atau Kerajaan akan memperkenalkan konsep baru sebagai kesinambungan dasar Islam sedia ada yang pernah diperkenalkan sebelum ini seperti Islam Hadhari, Wasatiyyah dan Rahmatan lil Alamin.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa berusaha memperkukuh pentadbiran negara dengan melaksanakan dasar dan pendekatan Islam yang inklusif. Pelaksanaan Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan telah mengambil kira dan memasukkan elemen '*rabbani*' berpandukan al-Quran dan Sunnah sebagai asas yang utuh bagi memastikan tadbir urus negara sejajar dengan pensyariaan Islam. Ia juga merupakan satu pendekatan yang holistik dan menyeluruh dengan meletakkan Maqasid Syariah sebagai pemacu kestabilan tadbir urus yang merangkumi pelbagai bidang utama negara.
2. Buat masa ini, agensi-agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri memberikan fokus untuk menjayakan Pelan Intervensi Agensi Agama Mendepani Covid-19 (Piagam C-19) yang merupakan sebahagian daripada Pelan Pemulihan Negara dan Wawasan Kemakmuran Bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HJ. AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan aktiviti Kementerian dalam melaksanakan pemantauan harga jualan kit ujian sendiri COVID-19 sama ada secara borong atau runcit dan apa tindakan yang dikenakan kepada penjual yang masih berdegil untuk menurunkan harga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa melaksanakan pemeriksaan ke atas premis yang menjual kit ujian sendiri COVID-19 secara borong dan runcit melalui pemantauan harian Pegawai Penguat Kuasa di lapangan di seluruh negara. Setakat 13 Oktober 2021, sebanyak 5,433 pemeriksaan telah dilakukan dan 3 tindakan kes telah diambil di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 kerana menjual kit ujian ini melebihi dari harga maksimum yang ditetapkan. Tindakan kompaun sehingga RM50,000.00 ke atas orang perseorangan atau RM250,000.00 bagi pertubuhan perbadanan boleh dikenakan sekiranya didapati bersalah menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terkini dan berapa peratus pencarum yang mempunyai simpanan kurang dari RM10,000 mengikut kumpulan umur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 September 2021, jumlah keseluruhan simpanan KWSP bagi 15.1 juta ahli KWSP ialah RM935.83 bilion. Manakala, bilangan ahli KWSP di bawah umur 55 tahun ialah 12.65 juta orang dengan amaun simpanan berjumlah RM722.78 billion, iaitu 77.2 peratus daripada jumlah keseluruhan simpanan KWSP.

Daripada 12.65 juta ahli di bawah umur 55 tahun tersebut, seramai 5.87 juta ahli atau 46.4 peratus yang mempunyai simpanan RM10,000 dan kurang. Pecahan ahli KWSP di bawah umur 55 tahun yang mempunyai simpanan RM10,000 dan kurang mengikut kumpulan umur adalah seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Pecahan Ahli KWSP di bawah Umur 55 Tahun yang Mempunyai Simpanan RM10,000 dan Kurang Mengikut Kumpulan Umur (Setakat September 2021)

Kumpulan Umur	Bilangan Ahli	Peratus
Bawah 20 tahun	2,245 ribu	3.8%
20 – 24 tahun	1.38 juta	23.5%
25 – 29 tahun	1.24 juta	21.2%
30 – 34 tahun	805 ribu	13.7%
35 - 39 tahun	703 ribu	12.0%
40 - 44 tahun	595 ribu	10.1%
45 – 49 tahun	485 ribu	8.3%
50 – 54 tahun	437 ribu	7.4%
Jumlah	5.87 juta	100

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan penyertaan syarikat Bumiputera dalam pembangunan rangkaian sistem 5G sebanyak 60 peratus seperti yang diumumkan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) dan bagaimana untuk memastikan usaha ini tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah syarikat milik penuh Kerajaan, Digital Nasional Berhad (DNB) tertakluk kepada dasar dan garis panduan Kerajaan, termasuk dalam hal-hal berkaitan dengan penyertaan dan pembangunan vendor Bumiputera. Kerajaan berharap pelaksanaan projek rangkaian 5G akan dapat meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi negara serta memberi manfaat kepada seberapa banyak rakyat dan perusahaan tempatan termasuk bumiputera.

Dalam melaksanakan pelan pembangunan Rangkaian Liputan 5G serta memastikan penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera, langkah-langkah berikut telah diambil:

- i. Ericsson, sebagai pembekal perkakasan rangkaian (NEP), akan menggunakan vendor-vendor Bumiputera yang sedia ada di dalam industri telekomunikasi, dan mendorong kontraktor dan pembekal Bumiputera yang baru, melalui program pembangunan vendor Bumiputera; dan
- ii. DNB akan mendorong penggunaan syarikat Bumiputera oleh subkontraktor-subkontraktor utamanya seperti Telekom Malaysia (“TM”) dan edotco. Subkontraktor-subkontraktor utama ini mempunyai senarai kontraktor dan pembekal Bumiputera sedia ada yang meluas, dan akan memanfaatkan program pembangunan vendor Bumiputera mereka untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pembangunan rangkaian dan ekosistem 5G.

Di samping itu, bagi memastikan sasaran penyertaan Bumiputera dapat dicapai, DNB telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera yang diteraju oleh Ketua Pegawai Kewangan DNB, untuk mengesan dan memantau secara aktif penglibatan pembekal-pembekal infrastruktur dan perkhidmatan Bumiputera, dan melaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah DNB. Selain itu, DNB akan mengemaskini maklumat secara langsung kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Kewangan, dan agensi-agensi Kerajaan yang lain, dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, DNB juga turut bertanggungjawab memastikan bahawa projek rangkaian 5G nasional ini dapat dilaksanakan oleh setiap kontraktor dengan cekap bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek ini seperti yang dirancang serta dapat memberi pulangan yang terbaik dan optimum kepada rakyat sebagai pengguna dan negara.

Sekian, terima kasih.